



AM 29/7

Sungai tercemar

pamer sikap pengotor rakyat Malaysia

BARU-BARU ini, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid mendedahkan 71 batang sungai di negara ini sudah 'mati' dan perlu dipulihara.

Selain itu, beratus-ratus sungai yang lain sudah tercemar dan memerlukan pemerhatian serta pemuliharaan.

Bidai tak terkejut dengan perkara ini kerana sikap rakyat Malaysia sendiri sering menjadikan alam sekitar sebagai satu perkara remeh dan sering dihiraukan.

Sungai lebih mudah dijadikan tong sampah sebab, selepas sampah dibuang, ia tidak lagi kelihatan di situ kerana dibawa arus.

Dan pembuangan sampah tidak perlu risau mengenai sampah yang berlonggok berdekatan kawasan mereka. Ye lah, sampah pasti akan berlonggok di perangkap sampah dan mengikut mereka ini kerja kerajaan.

Perkara ini sebenarnya datang dari mentaliti mereka sejak dari kecil dan keadaan di rumah mereka.

Ini berikutan kebanyakan mereka menganggap membuang sampah merata-rata lebih-lebih lagi membuang sampah di sungai sebagai adalah salah satu jalan penyelesaian mudah.

Hiraukan tong-tong sampah yang disediakan kerajaan kerana mereka mempunyai alasan lain... tong sampah dah penuh.

Sikap biadap dan mempunyai mentaliti dunia kelas ketiga inilah yang menyukarkan kerajaan untuk memulihara alam sekitar.

Bagi lah peruntukan berjuta-juta ringgit, akhirnya Bidai pasti kerajaan berputih mata. Bukan apa, buatlah pelbagai program bagi memperkenalkan isu pemuliharaan alam sekitar, tapi kalau dah perangai tak senonoh sejak dari kecil, apa yang dilakukan pasti tidak akan berjaya.

Bidai dengan mata kepala Bidai sendiri melihat seorang pemandu teksi membuang pembalut gula-gula keluar kereta tanpa rasa bersalah. Malah pemandu yang menghisap rokok juga sering mengamalkan pembuangan putung keluar tingkap.

Ini termasuk kaki pancing atau mereka yang menggunakan bot di laut lepas dengan selamba tanpa bersalah membuang sampah ke dalam laut.

Peruntukan RM580 juta melalui Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9) amat bidai alu-alukan namun jika perangai kotor di kalangan orang ramai tidak dikekang, pastinya ia seperti mencurah air ke daun keladi.


Apa yang Bidai ingin utarakan ialah selain gesaan yang dibuat pak menteri, hasrat untuk mengenakan tindakan undang-undang lebih keras terhadap pesalah alam sekitar perlu diteruskan.

Bagi Bidai, tak salah untuk saman pesalah alam sekitar dengan penjenayah seperti perompak dan perogol atau pembunuh kerana pada dasarnya jika diselidiki mereka adalah serupa.

Ye la, bayangkan jika seseorang itu membuang sampah ke dalam sungai walaupun tidak banyak, ia menyum-

LIBAS SIKIT

OLEH NAMSO



bang kepada pencemaran dan pencemaran mampu membunuh.

Buat sekali seronok, jadi mereka akan lakukan terus menerus tanpa rasa bersalah sehingga sungai berkeladak dengan sampah, spesies yang menjadikan sungai sebagai habitat tidak boleh hidup, bukankah itu pembunuh namanya.

Mencemar sungai itu sendiri boleh disamakan dengan merogol kerana pelaku memasuki kawasan yang dilarang dengan membuat sesuatu yang tidak diinginkan, sama lah dengan membuang sampah di sungai.

Jadi, kerajaan perlu memikirkan

dengan teliti untuk meningkatkan aspek penguatkuasaan dan kenakan tindakan berat seperti penjenayah.

Bidai dapat rasakan, dengan cara ini sahaja, alam sekitar dapat dipulihara dan di jaga dengan baik.

Fikirkanlah...

Suluh Bidai  

suluhbidai@yahoo.com